

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan situasi pelaburan dan perindustrian di dalam negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 :-

- (a) permohonan pelaburan baharu dan jenis industri; dan
- (b) permohonan atau pemakluman industri milik asing untuk memindahkan operasi keluar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mulai tahun 2020, negara berdepan dengan cabaran akibat penularan pandemik COVID-19 yang bukan sahaja menjelaskan kesihatan awam di seluruh dunia tetapi memberi kesan terhadap aliran perdagangan dan pelaburan global, termasuk rantaian bekalan dan mobiliti barang serta perkhidmatan dan aktiviti pembuatan, berikut pelaksanaan langkah kawalan pergerakan oleh kebanyakan negara dalam usaha memerangi wabak ini.
2. Di sebalik persekitaran ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu ini, Malaysia telah berjaya menarik sejumlah RM167.4 bilion nilai pelaburan melibatkan 4,756 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama pada tahun 2020. Pelaburan dalam sektor perkilangan mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 10.3% kepada RM91.3 bilion daripada RM82.7 bilion pada tahun 2019.
3. Ini adalah hasil usaha gigih dan berterusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan semua agensi penggalakan pelaburan yang komited untuk memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi mesra dan kondusif bagi pelabur untuk pertumbuhan jangka panjang syarikat-syarikat asing dan domestik.
4. Seterusnya, tahun 2021 menunjukkan pencapaian yang lebih kukuh apabila negara merekodkan kelulusan pelaburan swasta bernilai RM107.5 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama dalam tempoh Januari sehingga Jun 2021. Jumlah kelulusan ini menunjukkan lonjakan sebanyak 69.8% berbanding RM63.3 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2020. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 2,110 projek dan dijangka menjana lebih 44,000 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 215.7% kepada RM62.5 bilion bagi tempoh Januari 2021 hingga Jun 2021 berbanding RM19.8 bilion pada tempoh yang sama

SOALAN NO : 20

tahun lepas. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang baki selebihnya iaitu sebanyak RM45 bilion, atau 41.9% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ketiga-tiga sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sektor perkilangan terus memainkan peranan penting dalam memacu transformasi ekonomi negara bagi tempoh separuh pertama tahun 2021 yang menyumbang kelulusan pelaburan sebanyak RM66.9 bilion menerusi 367 projek. Ini merangkumi 62.2% daripada jumlah keseluruhan pelaburan swasta yang direkodkan pada separuh pertama tahun tersebut. Kelulusan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 83.9% berbanding RM36.4 bilion nilai projek perkilangan yang telah diluluskan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

6. Industri utama di bawah sektor perkilangan dengan pelaburan tertinggi adalah produk elektronik dan elektrikal – E&E (RM47.1 bilion), produk logam fabrikasi (RM5.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.8 bilion), pengilangan makanan (RM3.7 bilion), produk getah (RM3.6 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM824.1 juta), jentera dan kelengkapan (RM698.3 juta) serta industri kertas, percetakan dan penerbitan (RM426.0 juta).

7. Sehingga Julai 2021, MIDA telah menerima permohonan melibatkan 835 projek dengan cadangan pelaburan bernilai RM76.7 bilion dalam sektor perkilangan (RM18.7 bilion) dan perkhidmatan di bawah MIDA (RM58 bilion) yang pada masa ini sedang dalam pertimbangan untuk kelulusan. MIDA juga telah mengenalpasti sejumlah 325 projek berprofil tinggi yang sedang dalam rundingan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM97.4 bilion dan dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun ini. Hal ini menunjukkan walaupun berdepan dengan kemelut pandemik, Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan pilihan, melalui pelbagai strategi dan inisiatif yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 20

8. Bagi tempoh pandemik COVID-19 (Mac 2020-Mei 2021), terdapat sembilan (9) buah syarikat pengilangan asing telah menutup operasi di Malaysia yang melibatkan sektor tekstil, besi keluli, jentera, bahan binaan dan E&E. Penutupan kesemua syarikat tersebut telah melibatkan pelaburan sebanyak RM393.6 juta dan pemberhentian seramai 6,628 orang pekerja di mana seramai 4,597 orang adalah pekerja tempatan.

9. Diperhatikan bahawa kebanyakan syarikat-syarikat pelabur asing yang telah menutup operasi adalah daripada sektor tekstil yang telah melabur sebanyak RM182 juta iaitu Esquel Malaysia Sdn. Bhd., Pulau Pinang (RM73 juta), Esquel Malaysia (Kelantan) Sdn. Bhd. (RM4 juta) dan Pen Apparel Sdn. Bhd. (RM 105 juta). Antara punca utama penutupan operasi syarikat adalah penguncutan ekonomi global serta penurunan dalam jualan dan permintaan lemah dari luar negara disebabkan oleh pandemik COVID-19.

10. Selain itu, syarikat asing yang melabur di bawah sektor besi keluli dan jentera juga turut terkesan seperti Bekaert Ipoh Sdn. Bhd., HOWCO Metal Management Malaysia Sdn. Bhd. dan Transnorm System Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan sebanyak RM113 juta. Pihak syarikat menyatakan punca penutupan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kos operasi, persaingan daripada pengeluar yang sama di pasaran tempatan dan luar negara, tiada permintaan bagi produk yang dikeluarkan dan juga penstrukturran semula syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Sementara syarikat-syarikat lain adalah Tereal Malaysia Sdn. Bhd., Sika Kimia Sdn. Bhd. dan Sony EMCS yang terlibat dalam pengeluaran bahan binaan dan E&E yang telah melabur sebanyak RM98.6 juta. Faktor penutupan syarikat adalah juga disebabkan daripada penurunan permintaan daripada pelanggan yang mengakibatkan kerugian kewangan terkumpul syarikat serta penstrukturran semula syarikat.

12. Namun begitu, dalam masa yang sama, negara terus berjaya menarik syarikat-syarikat digital utama dunia ke Malaysia seperti Microsoft untuk terus melabur di Malaysia. Microsoft yang dijangka akan

SOALAN NO : 20

melabur sebanyak RM4.2 bilion bagi menubuhkan tiga buah pusat data bermula di Cyberjaya. Microsoft turut bercadang untuk melatih seramai 1 juta rakyat Malaysia bagi jangka masa tiga tahun. Ini memberi gambaran yang jelas kepada pelabur bahawa syarikat utama global seperti Microsoft mempunyai keyakinan kukuh terhadap dasar ekonomi dan pendekatan ke atas penyediaan modal insan oleh Kerajaan di samping infrastruktur moden yang dimiliki negara ini. Pelaburan Microsoft ini akan menjana pendapatan sekitar RM19 bilion kepada rakan tempatan (*local partners*) dan *cloud-consuming customers* bagi tempoh empat tahun mendatang, serta menyumbang kepada kewujudan 19,000 peluang pekerjaan baharu secara langsung dan tidak langsung dalam jangka tempoh yang sama.

13. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah strategik dalam mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan berkualiti tinggi yang kompetitif dan berdaya saing meskipun dalam tempoh pandemik COVID-19 ini. Usaha ini adalah untuk menstabilkan ekonomi negara demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.